

12/06/2004

Idea Zaini hidupkan Putrajaya Shangri-La & Zouk

By Haswari Ali

HOTEL Butik Putrajaya Shangri-La; Restoran Frangipani di Jalan Alor, Kuala Lumpur dan terbaru, pusat hiburan popular Zouk, di Jalan Ampang adalah antara rekaan bangunan yang memukau mata memandang.

Namun tidak ramai tahu, kesemua reka bentuk hiasan dalamannya adalah cetusan ilham anak Melayu yang berjaya di New York dan Paris, Zaini Zainul.

Namanya mungkin tidak sejah Hijjas Kasturi atau Dr Ken Yeang namun sebagai arkitek yang lebih muda, nama Zaini sinonim dengan syarikatnya, Zaini Dubus Richez Sdn Bhd (ZDB Sdn Bhd), yang kini mula meniti bibir di kalangan kontraktor serta penggemar seni bina moden dan penuh kontemporari.

Lihat sajalah rekaan Zouk yang mula dibuka sejak awal tahun ini. Cukup unik dan tersendiri. Malah inspirasi Zaini terhadap reka bentuk dan hiasan taman Putrajaya Shangri-La mendapat perhatian majalah rekaan antarabangsa, seperti Wallpaper, edisi Mei, tahun lalu. Memang mempesonakan.

Itu tidak termasuk lagi anugerah demi anugerah yang dimilikinya sejak menuntut di Columbia University Amerika Syarikat serta pengiktirafan dari Itali, Jepun dan Singapura.

April lalu, Zaini turut terpilih sebagai salah seorang daripada tujuh personaliti popular dari Malaysia sebagai 'Ikon Gaya Nokia' oleh jenama telefon bimbit popular itu.

Bakal mencecah usia 40 tahun pada penghujung tahun ini, jejak kelahiran Georgetown, Pulau Pinang berkulit sawo matang ini mula mengutip pengalaman di kota Paris selama tujuh tahun sebelum mencetus idea bernasnya dalam industri seni bina tempatan, enam tahun lalu.

Namun sebelum itu jejak solo yang ingin kembali aktif melukis ini, terlebih dulu diberi kepercayaan mereka cipta bangunan Kedutaan Perancis di Singapura (1995) sebelum menubuhkan syarikatnya ZDR Sdn Bhd yang berpusat di ibu negara pada 1997.

Falsafah syarikatnya mudah saja iaitu melahirkan inovasi terbaru dalam setiap rekaan, di samping perlu berani membuat eksperimen dengan menggunakan bahan asas seni bina moden terutama kaca dan besi.

Bukan saja rekaan bangunan, ilhamnya turut diperkembangkan pada rekaan dalaman seperti kerusi, meja, lampu dan tombol pintu supaya serasi dengan identiti bangunan yang direkannya. Hebat bukan?

Ikuti temubual wartawan i-Kon, bersama arkitek yang ramah ini.

* i-Kon: Bagaimana mula meminati bidang seni bina?

* Zaini: Saya memang suka melukis. Awalnya, saya bercita-cita menjadi pereka grafik saja tapi disebabkan tiada pilihan untuk memilih bidang berkenaan selepas mendapat biasiswa ke AS, saya pun memilih jurusan arkitek. Tidak sangka pula ia satu bidang yang amat menyeronokkan.

* i-Kon: Apa yang perlu ada untuk jadi arkitek?

* Zaini: Mesti ada `jiwa' dan kesabaran untuk menceburi bidang ini. Tidak boleh hangat-hangat tahi ayam. Memang hasilnya tidak boleh nampak dalam dua atau tiga bulan seperti melukis, tapi tunggulah dua tiga tahun, terutama apabila semuanya sudah siap dibina.

* i-Kon: Siapa yang banyak memberi dorongan kepada anda?

* Zaini: Beberapa arkitek profesional yang sudah berjaya. Kerjaya ini lain daripada yang lain dan mereka yakin saya akan mencipta sejarah dalam dunia rekaan bangunan, insya-Allah.

* i-Kon: Berapa lama masa yang anda ambil untuk mereka cipta sesebuah

bangunan?

* Zaini: Untuk banglo, lapan hingga 10 bulan. Manakala projek besar seperti Putrajaya Shangri-La pula mengambil masa sehingga setahun.

* i-Kon: Sejauh mana kemajuan dunia seni bina dan arkitek di Malaysia?

* Zaini: Suatu ketika kita agak ketinggalan disebabkan masalah perbelanjaan, bahan mentah, teknologi dan tenaga kerja. Tapi Malaysia kini muka berada pada tahap dan identitinya tersendiri. Kalau orang luar datang mereka pasti tercengang. Lihat saja KLCC. Hebat bukan?

* i-Kon: Bagaimana pula dengan tahap seni bina di negara lain?

* Zaini: Amerika Syarikat dan negara Eropah seperti United Kingdom adalah yang termaju setakat ini. Begitu juga Australia dan Singapura yang mempunyai kualiti dan high taste. Tapi masalah seperti Singapura adalah rekaan bangunannya terlalu mengikut fungsinya.

* i-Kon: Pandangan anda bila digelar arkitek berjaya?

* Zaini: Dalam dunia arkitek, umur 40 tahun dikategorikan sebagai muda. Kerana untuk sampai ke tahap ini, seseorang itu perlu belajar dan bekerja selama enam hingga tujuh tahun selepas habis belajar. Rasanya, saya belum boleh dikatakan berjaya lagi, tapi syukurlah, saya mula mendapat banyak peluang.

* i-Kon: Idola anda?

* Zaini: Philippe Starck, pereka Paris yang terkenal dengan rekaan pinggan mangkuk, kerusi dan meja. Bekas Perdana Menteri kita, Tun Dr Mahathir Mohamad, arkitek Hijjas Kasturi, Dr Ken Yeang dan GDP.

* i-Kon: Pandangan anda terhadap rekaan Zouk dan Putrajaya Shangri-La.

* Zaini: Rekaannya seakan sama seperti Zouk di Singapura. Ideanya diilhamkan dari elemen muzik, bunyi dan hiburan. Rekaannya lebih organik, sebuah tempat yang unik untuk berhibur. Shangri-La pula, istimewa sebab situasinya di dalam taman, bertemakan Garden of Babylon. Alam semula jadi menjadi elemen kuat hotel itu.

(END)